

**BERITA** - Tangani Kos Sara Hidup, ADUN Sura Syor Tiga Langkah Segera



### TDM Semai Kesedaran Hijau di Sekolah, 153kg Sisa Dikitar Semula

Noraini Jusoh 01 Feb 26 528

Utama > Semasa

KUALA TERENGGANU, 1 Februari – TDM Berhad menganjurkan Program 'TDM Go Green: Back to School & Kesedaran Kitar Semula' di Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Kubu, Kemaman sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat dalam menyokong pembangunan pendidikan serta memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan murid sekolah rendah.

Ketua Pegawai Eksekutif TDM Plantation Sdn Bhd, Hamdan Ibrahim berkata, program tersebut melibatkan penyertaan 300 murid dan guru SK Padang Kubu serta warga Kumpulan TDM.



"Ia bertujuan memberi pendedahan awal mengenai kepentingan amalan kitar semula, pengurusan sisa yang bertanggungjawab serta pembentukan nilai disiplin dan sikap prihatin terhadap alam sekitar.

"Sepanjang program berlangsung, murid didedahkan kepada sesi perkongsian interaktif mengenai kepentingan menjaga kebersihan persekitaran, selain aktiviti praktikal berasaskan konsep 'hands-on recycling' bagi meningkatkan kefahaman mereka terhadap proses pengasingan sisa dan amalan kitar semula yang betul," ujarnya dalam satu kenyataan, hari ini.



Mengulas lanjut katanya, sebanyak 153 kilogram bahan buangan berjaya dikumpulkan yang terdiri daripada sampah kertas, plastik dan besi atau kaca sekali gus mencerminkan keberkesanan pendekatan pembelajaran secara praktikal dalam memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan murid.

"Program ini turut disertai dengan pengagihan beg sekolah serta alatan tulis sebagai persediaan murid menghadapi sesi persekolahan tahun baharu," ujarnya.



Tambah beliau, penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan syarikat dalam menyokong agenda kelestarian alam sekitar dan pendidikan berkualiti.

"Kami percaya bahawa pendidikan awal merupakan asas penting dalam membentuk generasi yang lebih bertanggungjawab dan berdaya saing. Melalui pendekatan bersepadu ini, kami berharap murid dapat mengamalkan gaya hidup lestari bukan sahaja di sekolah, malah dalam kehidupan seharian mereka," ujarnya.

Katanya, TDM akan terus komited melaksanakan program berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada komuniti setempat, khususnya dalam aspek pendidikan, alam sekitar dan pembangunan modal insan demi menyokong kemajuan mampan Negeri Terengganu.

Tag :